

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 04.06.2025 MASA: 03.30PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM RAMAH MESRA PENGERUSI  
JAWATANKUASA MMK KERAJAAN TEMPATAN  
BERSAMA WIRA OREN MBSP**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**05 JUN 2025 (KHAMIS)  
9.00 PAGI**

**DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam satu majlis yang amat penting, iaitu **Program Ramah Mesra Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan Bersama Wira Oren MBSP**, suatu penghargaan istimewa buat barisan wira lapangan yang menjadi tunjang kepada kelestarian persekitaran bandar Seberang Perai yang kita cintai.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada pagi ini. Kehadiran Yang Berhormat amat bermakna dan menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam mendukung usaha memperkasa perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan dan menghargai tenaga kerja barisan hadapan.

3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Wira Oren MBSP, para petugas lapangan yang saban hari menggalas amanah besar dalam menjaga kebersihan, keindahan dan kesejahteraan bandar raya Seberang Perai. Anda semua merupakan tulang belakang kepada kejayaan pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam dan penyelenggaraan landskap bandar kita.
4. Gelaran “**Wira Oren**” yang disandangkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bukan sekadar simbolik kepada warna pakaian seragam, tetapi lambang semangat, tenaga dan kesediaan yang tidak pernah luntur demi memastikan bandar ini bersih, selamat dan harmoni. Komitmen yang ditunjukkan; tanpa mengenal lelah, walau dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, tekanan fizikal yang tinggi, mahupun risiko keselamatan – adalah suatu bentuk khidmat bakti yang amat mulia dan wajar disanjung tinggi.
5. Program pagi ini dianjurkan bukan sahaja untuk menyampaikan penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan, tetapi juga sebagai satu manifestasi kesungguhan pihak Majlis dalam memperkasa budaya kerja yang harmoni, progresif dan berpaksikan nilai insaniah. Ia selaras dengan aspirasi MBSP untuk membentuk suasana kerja yang kondusif, kompetitif serta menjunjung tinggi prinsip penghargaan

terhadap setiap titik peluh, jerih payah dan dedikasi yang dicurahkan oleh warga kerjanya, tanpa mengira pangkat maupun peranan.

6. Dalam era Malaysia MADANI ini, peranan pekerja lapangan semakin penting dalam mendukung nilai-nilai kemampunan, kebertanggungjawaban sosial dan kesejahteraan sejagat. Maka, saya percaya bahawa keberadaan Wira Oren di lapangan turut membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan dan kelestarian alam sekitar.
7. Justeru itu, saya amat berharap agar program sebegini dapat diteruskan dan diperluas dari semasa ke semasa sebagai platform interaksi yang konstruktif antara pimpinan dan petugas lapangan. Kita wajar terus memperkuuh budaya menghargai, kerana penghargaan adalah asas kepada produktiviti dan kesejahteraan organisasi.
8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye atas keprihatinan dan sokongan berterusan yang dizahirkan menerusi sumbangan peruntukan sebanyak RM5,000.00 bagi menjayakan program ini. Lebih menyentuh hati, Yang Berhormat turut berbesar hati menyampaikan bantuan berbentuk wang tunai kepada 10 orang Wira Oren MBSP yang dikenal pasti memerlukan perhatian dari sudut kebajikan.

9. Inisiatif ini mencerminkan kepimpinan yang prihatin serta penghargaan tulus kepada petugas lapangan, selari dengan agenda pembangunan negeri. Sumbangan ini amat kami hargai dan bakal menyuntik semangat kepada warga MBSP untuk terus berkhidmat dengan cemerlang dan berintegriti.
10. Akhir kata, kepada semua Wira Oren, teruskan khidmat bakti anda dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya kerja buat kalian adalah jihad yang terpuji dalam memastikan persekitaran hidup yang sihat dan bersih untuk seluruh warga Seberang Perai.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***